

Dr M tegaskan hak bersuara

SEPANG: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau membuat keputusan untuk bersuara berhubung isu pembatalan projek jambatan menggantikan Tambak Johor selepas berpendapat bahawa kedaulatan negara ini seolah-olah mahu diserahkan kepada Singapura.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, sebagai rakyat negara ini, beliau berhak bersuara dan memperkatakan keputusan kerajaan itu yang disifatkannya sebagai menyerahkan kedaulatan.

"Jika kita menyerahkan kedaulatan kepada Singapura... saya rasa ia tidak mencerminkan rasa hormat terhadap diri sendiri," katanya se-jurus tiba dari London, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lum-

pur (KLIA) di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya apakah beliau akan terus mengeluarkan kenyataan mengenai isu pembatalan projek jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor seperti yang diumumkan kerajaan, baru-baru ini.

Katanya, beliau juga akan terus mengeluarkan kenyataan termasuk secara bertulis mengenai isu pembatalan projek jambatan baru menggantikan Tambak Johor jika ada keperluan untuknya berbuat demikian.

Ditanya hingga ke tahap mana beliau sanggup melakukannya, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak boleh pergi berperang... saya tiada kuasa."

Ditanya mengapa beliau tidak menyerahkan kenyataan bertulis mengenai pendiriannya berhubung itu

itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak menulis surat kepada dia (Abdullah). Saya cakap dengan awak ini pun tak masuk dalam surat khabar."

"Jika saya nak beri kepada awak sekali pun, awak tidak akan menyiarkannya. Jika awak mahu pun, (Datuk) Kalimullah (Hassan) akan mencantasnya," katanya merujuk kepada bekas Ketua Pengarang, Kumpulan The New Straits Press (Malaysia) Bhd yang kini Penasihat Editorial NSTP.

Ditanya bagaimana hubungannya dengan Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Oh, sangat bagus, sangat baik."

Dr Mahathir berkata, beliau mempertikaikan bagaimana Malaysia ti-

dak boleh membina jambatan di kawasan sempadan atau perairan sendiri dan menyifatkan perkara itu sebagai bukti seolah-olah Malaysia tidak mempunyai kedaulatannya.

"Di negeri kita, kita nak buat jambatan dalam negeri pun, kita kena minta kebenaran dari negara lain. Mana ada kedaulatan?" katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tak kisah apa yang diperkatakan pelbagai pihak termasuk pemimpin kerajaan mengenai reaksinya terhadap keputusan kerajaan membatalkan projek jambatan baru menggantikan Tambak Johor.

"Terpulang kepada mereka bercakap apa yang mereka suka... mereka ada kuasa. Apa pun yang diperkatakan mengenai komen saya, saya tidak peduli," katanya.

BH- 2/5/2006